

Pas masih di blok pembangkang, nafi makan 'dedak'

SINAR HARIAN

16 JULAI 2017

BUKIT MERTAJAM - Pas hari ini sekali lagi menegaskan bahawa parti itu masih berada di saf pembangkang dalam menghadapi pilihan raya umum ke-14 (PRU14).

Naib presidennya, Idris Ahmad berkata, pilihan raya kali ini adalah yang cukup kritikal kepada Pas kerana parti itu bukan sahaja menentang BN malah Pakatan Harapan.

Beliau berkata, ini adalah kali pertama dalam sejarah, pembangkang menentang pembangkang dalam pilihan raya umum dan pihak lawan sepatutnya tahu di mana peluru hendak disasarkan.

Mengenai Pas di saf pembangkang, Idris berkata perkara itu jelas menolak dakwaan dan tuduhan Pakatan Harapan termasuk Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa PAS makan dedak Umno.

"Bagaimana kamu (Pakatan Harapan) menyatakan kami berada di saf BN. Carilah hujah lain untuk menentang kami. Sedangkan kita lihat 13 kali pilihan raya umum sekali sahaja PAS tak lawan Umno iaitu pada tahun 1974. (PRU) yang lain kita lawan BN.

Berucap melancarkan jentera pilihan raya Pas Parlimen Permatang Pauh, di sini, Idris berkata, Dr Mahathir perlu berhenti menuduh Pas makan dedak Umno sebaliknya belajar bagaimana untuk menjadi pembangkang yang sebenar.

Idris berkata, Pas akan bertanding di 140 kerusi Parlimen pada PRU14 menerusi gabungan Gagasan Sejahtera bagi membolehkan parti itu membentuk kerajaan jika rakyat memberi mandat kepada Pas. – Bernama

© 2017 Hak Cipta Terpelihara. Kumpulan Media Karang kraf

Source: <http://www.sinarharian.com.my/mobile/politik/pas-masih-di-blok-pembangkang-nafi-makan-dedak-1.703564>